

29/06/2000

Cadangan Malaysia diterima

Mohd Fuad Razali; Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Rabu - Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) bersetuju pada dasarnya terhadap pembaharuan kerangka kewangan antarabangsa dan pengwujudan sebuah pasaran bersama Islam.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata resolusi mengenai perkara itu dipersetujui Jawatankuasa Ekonomi dan Hal Ehwal Sosial Persidangan Menteri Luar Negara-negara Islam (ICFM) ke-27 di sini dan akan dikemukakan kepada Menteri-menteri Luar pada satu sidang pleno untuk kelulusan.

Dalam taklimat media pada hari kedua ICFM hari ini, beliau berkata jawatankuasa itu menerima draf cadangan Malaysia supaya kerangka kewangan antarabangsa dirombak.

Cadangan Malaysia supaya diperkukuhkan sistem perdagangan pelbagai hala juga diterima, kata Syed Hamid, yang juga pengerusi sesi ke-27 ICFM.

Beliau berkata jawatankuasa itu berkongsi kebimbangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung impak globalisasi dan liberalisasi perdagangan.

Semalam, ICFM diberitahu bahawa momentum untuk mengubah rangka kerja kewangan antarabangsa perlu diteruskan kerana ada tanda-tanda keazaman awal ke arah reformasi semakin luntur berikutan unjuran ekonomi dunia yang bertambah baik.

Malaysia yang mengemukakan kertas cadangan menyokong reformasi rangka kerja kewangan antarabangsa di persidangan itu, mahu Menteri Luar OIC mengambil satu pendirian supaya semua syor perubahan yang menerima sokongan meluas negara maju, membangun dan negara baru muncul, dilaksanakan secepat mungkin bagi meningkatkan kestabilan persekitaran kewangan global.

Cadangan Malaysia itu dijangka dimasukkan sebagai satu daripada resolusi penting ekonomi dan sosial yang akan diputuskan oleh sidang plenary ICFM pada Jumaat ini setelah dipersetujui pada peringkat mesyuarat jawatankuasa semalam.

ICFM juga dijangka mengarahkan Pusat Latihan dan Penyelidikan Statistik, Ekonomi dan Sosial Untuk Negara Islam (SESRTCIC) di Ankara membuat susulan dan mengkaji isu ini terutama dari sudut implikasi pelaksanaan rangka kerja kewangan baru terhadap negara anggota serta membentangkan laporannya kepada ICFM akan datang.

Syed Hamid berkata Malaysia mengambil inisiatif membentangkan isu itu dalam semua forum antarabangsa kerana tidak mahu ia tenggelam dalam persekitaran ekonomi global yang semakin baik.

Katanya, negara anggota OIC perlu mempunyai suara yang sama berhubung isu penggubalan rangka kerja baru kewangan antarabangsa kerana sebarang krisis kewangan memberi kesan buruk terhadap negara sedang membangun, terutama negara miskin yang menanggung beban hutang luar yang besar.

Selain isu rangka kerja baru kewangan, enam lagi resolusi dijangka diluluskan dalam sidang plenary, iaitu masalah ekonomi yang dihadapi negara Islam, bantuan kewangan antarabangsa terhadap kumpulan minoriti Islam di negara bukan Islam, kerjasama perdagangan pelbagai hala antara negara anggota serta kerjasama serantau.

(END)